

**Jurnal Qiraāt**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2023, VOL 6, Bil 1, Halaman 41-53

Metodologi Penulisan Kitab *Tamrīn Al-Lisān Fī Maʿrifat Tajwīd Al-Qurān* Karya Syekh Hasan Al Jambi

The Writing Methodology of The Book *Tamrīn al-Lisān Fī Maʿrifat Tajwīd al-Qurān* By Syekh Hasan al-Jambi

**Mohd Asri bin Ishak¹, Wan Hakim bin Wan Mohd Nor², Mohd Ikram bin Mohd Nawī³
& Nurul Ain binti Haziah⁴**

^{1,2 & 3} Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000 Malaysia.

⁴ Student of Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000 Malaysia.

* Corresponding Author: Mohd Asri bin Ishak. Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000 Malaysia, asri@kuis.edu.my, +6019-6535303.

ABSTRACT

*Sheikh Hasan bin Haji Yahya al-Jawi al-Jambi is a Nusantara scholar who wrote numerous books, one of which is the book *Tamrīn al-Lisān Fī Maʿrifat Tajwīd al-Qurān*. This writing is a study of Sheikh Hasan bin Haji Yahya al-Jawi l-Jambi's methodology in his book *Tamrīn al-Lisān Fī Maʿrifat Tajwīd al-Qurān*. The methodology used to complete this study was based on data collection, information analysis and qualitative literature. The collected data was based on books written by Sheikh Hasan himself as well as articles and scientific journals related to this book. The study discovered that the book *Tamrīn al-Lisān Fī Maʿrifat Tajwīd al-Qurān* has special features and benefits that help students understand and master the knowledge of tajwid*

Keywords

*Methodology, book *Tamrīn Al-Lisān Fī Maʿrifat Tajwīd Al-Qurān*, Sheikh Hasan bin Haji Yahya Al-Jawi Al-Jambi*

ABSTRAK

Syeikh Hasan bin Haji Yahya al-Jawi al-Jambi adalah seorang tokoh ulamak Nusantara yang banyak mengarang kitab, antara kitab karangannya yang masyhur adalah kitab *Tamrin al-Lisan Fi Maʿrifatul Tajwid al-Quran*. Penulisan ini adalah kajian tentang metodologi Syeikh Hasan al-Jawi al-Jambi dalam kitabnya *Tamrin Al-Lisan Fi Maʿrifatul Tajwid al-Quran*. Bagi menyempurnakan kajian ini, metodologi yang digunakan adalah berasaskan pengumpulan data, analisis maklumat dan kualitatif kepustakaan. Data yang dikumpulkan adalah berasaskan kitab penulisan Syeikh Hasan ini sendiri dan juga artikal serta jurnal ilmiah yang ada kaitan tentang kitab ini. Dapatan kajian mendapati Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Maʿrifat Tajwid al-Quran* mempunyai keistimewaan serta kelebihan tersendiri yang mana ianya memudahkan para penuntut ilmu untuk memahami dan menguasai ilmu tajwid.



Kata kunci

Metodologi, Kitab Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifatil Tajwid al-Quran, *Sheikh Hasan bin Haji Yahya al-Jawi al-Jambi*


1.0 PENGENALAN

Menurut (Mohamad Redha Mohamad, 2022) para ustaz memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan komuniti berpendidikan dan berilmu pada hari ini. Para ustaz yang berlatar belakang pendidikan agama seperti akidah, syariah dan akhlak turut sama menyumbang dalam melahirkan modal insan yang mencurahkan pelbagai sumbangan kepada masyarakat di Malaysia. Antara salah satu ilmu yang dicurahkan oleh para ustaz adalah pengajian al-Quran yang matlamatnya adalah untuk mendidik para pelajarnya supaya dapat membaca al-Quran dengan baik. Syeikh Hasan bin Haji Yahya al-Jawi al-Jambi merupakan seorang tokoh ilmuan yang banyak berjasa dalam menyebarkan ilmu pengetahuan di Nusantara. Dalam kehidupan beliau banyak karya ilmiah yang telah beliau tulis. Antara penulisan ilmiah yang beliau tulis yang sehingga kini menjadi rujukan penuntut ilmu ialah Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifah Tajwid al-Quran*. Beliau selesai mengarang kitab yang mempunyai 44 halaman ini pada tahun 1344 Hijrah. Kitab ini berkisar tentang hukum-hukum tajwid di dalam al-Quran. Syeikh Hasan juga memasukkan dalam kitab ini tentang kelebihan al-Quran, adab membacanya serta beberapa lagi adab berkaitan al-Quran. Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifah Tajwid al-Quran* ini telah siap dikarang oleh beliau ketika beliau masih menuntut ilmu di Mekah (al-Jambi, 1926).


Menurut (Ginjar, 2020) kitab ini ditulis dalam bahasa Melayu Arab Jawi, ianya adalah berkaitan ilmu tajwid dan juga tatacara membaca al-Quran dengan baik dan lancar. Kitab ini selesai ditulis oleh Syeikh Hasan di Mekkah pada hari Rabu 20 Rejab 1344 H (1926 M) Syeikh Hasan menulis: *“Dan selesai aku daripada menghimpunkan kitab yang kecil ini pada hari Rabu pada tanggal 23 dari bulan Rejab tahun 1344 daripada Hijrah Nabi Muhammad Sayyidul Mursalin.”*

Karya ini adalah hasil tulisan Syeikh Hassan sendiri, ini terbukti dengan apa yang dinyatakan oleh beliau pada muka surat pertama kitab ini. Kata Syeikh Hassan *“Inilah kitab yang bernama Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifatil Tajwid al-Quran karangan hamba yang fakir lagi mengajar di Masjidil Haram di Mekkah Al-Musyarrafah iaitu Hassan bin Haji Yahya orang Negeri Jambi al-Jawi “*

Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifah Tajwid al-Quran* ini telah mendapat pengiktirafan dan sokongan dari lima ulama Mekkah pada ketika itu, mereka ialah Syeikh Muhammad Kamil yang tercatat sebagai mudir *al-Ma'arif al Ummumiyyah* Mekah, Syeikh Abdullah bin Qasim Senggora dan tiga lagi ulamak Mekah yang berasal dari Nusantara, iaitu Syeikh Muhammad Ramli bin Muhammad Zaubaidi al-Fathani, Syeikh Muhammad Arsyad bin Amru Sambawa Jawi dan Syeikh Muhammad bin Daud al-Fathani (Ginjar, 2020).



Gambar 1: Muka depan kitab Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran.



Gambar 2: Penamaan tentang kitab dan pengakuan Syeikh Hasan bahawa kitab ini adalah karangan beliau semasa beliau di Mekah



2.0 BIOGRAFI SYEKH HASAN BIN HAJI YAHYA AL-JAWI AL-JAMBI

2.1 Nama, Kelahiran Dan Gelaran

Nama penuh beliau adalah Hasan Bin Anang Yahya, dan lebih dikenali dengan nama Hasan Bin Yahya. Beliau dilahirkan pada tahun 1895 Masihi di Kampung Tengah (Butar-Butar, 2017). “Al-Jawi al-Jambi” merupakan nisbah kepada daerah kelahiran beliau, iaitu Daerah Jambi.

2.2 Pendidikan Awal

Riwayat hidup beliau tidak banyak diketahui, akan tetapi zaman kanak-kanak beliau dimanfaatkan dengan menuntut ilmu agama daripada ulama-ulama di kampung halamannya di daerah Jambi (Butar-Butar, 2017).

2.3 Pengembaraan Menuntut Ilmu

Pengembaraan Syeikh Hasan dalam menuntut ilmu tidak sepanjang dan sehebat ulama lain. Perjalanan menuntut ilmu bermula setelah beliau menginjak usia 25 tahun. Beliau mengembara ke Mekah demi menuntut ilmu dari para *mashāyikh* di sana. Bermula dari tahun tersebut, beliau meneruskan usaha menuntut ilmu sehingga dikatakan berada di Mekah selama lebih kurang lapan (8) tahun. Juga dikatakan, unsur ulama yang mengalir dalam diri beliau adalah kerana susur-galur keluarga Syeikh Hasan bertemu dengan salah seorang pelopor pendidikan di Jambi pada abad 15 Masihi, iaitu Qodhi Nashruddin. Pada akhir pengajian beliau di Mekah, beliau diberikan keizinan untuk mengajar di Masjid al-Haram (Wandi, 2017).

2.4 Guru-Guru Beliau

Selama berada di Mekah, Syeikh Hasan sempat menimba ilmu daripada beberapa orang ulama di sana. Antaranya adalah dengan Syeikh Muhammad Arsyad bin Syeikh Umar Sumbawa dan Syeikh Muhammad bin Daud al-Fatani (Rosadi, 2014). Turut dinyatakan bahawa Syeikh Hasan juga berguru dengan Syeikh Said Yamani, Syeikh Abdullah Qasim Senggora dan ramai lagi (Ginanjari, 2020).

Selain itu, dalam satu disertasi sarjana yang dilakukan oleh Ubaidillah, beliau menyatakan bahawa Syeikh Hasan merupakan pelajar kesayangan kepada Syeikh Muhammad ʿAli al-Maliki (Ubaidillah, 2019).

2.5 Kewafatan

Berkenaan kewafatan Syeikh Hasan, terdapat dua pendapat bagi kewafatan beliau. Menurut Maryani, anak bongsu beliau mengatakan bahawa Syeikh Hasan wafat pada tahun 1938 Masihi ketika berumur 45 tahun. Manakala, pendapat lain pula mengatakan Syeikh Hasan wafat pada tahun 1940 Masihi. Pandangan kedua adalah hasil daripada temubual seorang pengkaji, Prof. Dr. H. Fauzi MO Bafadhal terhadap salah seorang pelajar Syeikh Hasan, iaitu Sayyid H. Alfian Bin Jaʿfar Bin Yasin al-Baiti (Wandi, 2017).

3.0 PEMILIHAN TAJUK KITAB

Judul bagi satu-satunya kitab tajwid yang dikarang oleh Syeikh Hasan diambil dari beberapa kalimat Arab iaitu, *Tamrin al-Lisan Fi Maʿrifat Tajwid Al-Quran*. Pemilihan judul yang dibuat oleh Syeikh Hasan adalah bertepatan dengan perkara yang ingin disampaikan dalam kitab tersebut. Jika diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, judul kitab *Tamrin al-Lisan Fi Maʿrifat Tajwid Al-Quran* adalah “Latihan Lidah Dalam Mengetahui Tajwid al-Quran”. Justeru, jika difahami dengan betul, judul yang dipilih adalah sangat bersesuaian dengan perkara yang dikarang oleh Syeikh Hasan dalam kitab ini. Setelah diteliti, Syeikh Hasan tidak menyatakan mengapakah beliau memilih tajuk ini untuk kitab karangannya. Cuma dinyatakan tujuan beliau mengarang kitab ini adalah untuk menerangkan serta memudahkan kepada para pembaca yang baru ingin memulakan pengajian mereka dalam Ilmu Tajwid.



4.0 METODOLOGI PENULISAN KITAB TAMRIN AL-LISAN FI MA'RIFAT TAJWID AL-QURAN

Terdapat beberapa aspek yang akan dikaji dalam metodologi penulisan Kitab *Tamrin Al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid Al-Qur'an* dan aspek-aspek tersebut akan diterjemahkan kepada beberapa subtopik bagi memudahkan pembacaan.

4.1 Sistem Penyusunan Kitab

Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran* mempunyai 27 fasal. Penyusunan bab dalam kitab ini dimulakan dengan satu *khutbat al-kitab*, penerangan serta pengenalan kepada kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran*, diikuti dengan satu *muqaddimah*, juga disertakan dua *khatimah* dan diakhiri dengan satu *tatimmah*. Isi kandungan kitab ini dibahagikan kepada 23 fasal. Di akhir penulisan, terdapat *taqriz* atau pujian terhadap kitab ini.

Jika diteliti dengan mendalam, kitab ini dibahagikan kepada enam bahagian. Bahagian pertama adalah tentang penerangan kitab, seterusnya diikuti dengan *muqaddimah*. Setelah itu, Syeikh Hasan mula mengarang tentang hukum tajwid yang kesemuanya berjumlah 18 fasal. Kemudian, Syeikh Hasan meneruskan lagi karangan beliau dengan menyatakan beberapa pengetahuan umum tentang al-Quran yang mempunyai 5 bab antaranya adalah adab membaca al-Quran serta kelebihan al-Quran. Selanjutnya, Syeikh Hasan menulis dua *khatimah* bagi kitab ini. *Khatimah* pertama dikarang selepas selesai membahaskan keseluruhan hukum tajwid. Di dalam *khatimah* pertama, beliau menerangkan tentang *waqf Jibril*. Terdapat satu lagi penutup dikarang yang spesifik berkaitan kelebihan belajar dan mengajarkan al-Quran. Syeikh Hasan juga turut mengarang satu *tatimmah* di bahagian akhir penulisan beliau beserta *taqriz* daripada beberapa orang ulama.

Secara keseluruhannya, kitab ini mempunyai enam bahagian yang berbeza. Namun demikian, Syeikh Hasan tidak menyatakan secara literal tentang jumlah pembahagian dalam kitab ini. Bab pertama adalah tentang penerangan kitab atau *khutbat al-kitab*, seterusnya *muqaddimah* dan diteruskan lagi dengan 18 fasal perbahasan tentang hukum tajwid. Terdapat dua *khatimah* di dalam kitab ini yang dikarang secara berasingan dan bahagian seterusnya adalah berkisar tentang pengetahuan umum berkaitan al-Quran. Syeikh Hasan menamatkan penulisan kitab ini dengan satu *tatimmah* serta *taqriz* daripada para ulama.

4.2 Penyusunan Bab Dalam Kitab

Seperti yang telah dijelaskan pada *khutbat al-kitab*, kitab ini dikarang agar sesiapa yang mempelajari kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran* mudah untuk memahami apa yang dikarang. Oleh itu, Syeikh Hasan menulis kitab ini dengan mengelaskannya kepada beberapa bab. Metode pengelasan yang digunakan oleh beliau adalah dengan mengelaskan tanpa nombor, malah terus menulis tajuk bagi setiap bab. Tidak seperti beberapa kitab yang menyatakan nombor terlebih dahulu sebelum menyebut tajuk bab.

Dalam kitab ini, Syeikh Hasan mengelaskan setiap bab seperti berikut:

- Khutbat Al-Kitab.
- Muqaddimah.
- Fasal Pada Menyatakan Segala Tempat Keluar Huruf.
- Fasal Pada Menyatakan Makna Segala Sifat Huruf Dan Segala Bilangannya.
- Fasal Pada Menyatakan Izhar.
- Fasal Pada Menyatakan Ikhfa'.
- Fasal Pada Menyatakan Hukum Iqlab.
- Fasal Pada Menyatakan Beberapa Hukum Mim Yang Mati.
- Fasal Pada Menyatakan Idgham Dengan Dengung.
- Fasal Pada Menyatakan Idgham Dengan Tiada Dengung Pada Ra' Dan Lam.
- Fasal Pada Menyatakan Idgham Mislain.
- Fasal Pada Menyatakan Ittifaq Setengah Daripada Qurra' Pada Harus Idgham.
- Fasal Pada Menyatakan Idgham Mutaqaribayn.
- Fasal Pada Menyatakan Menebalkan Huruf Dan Menipiskan Dia.



- Fasal Pada Menyatakan Hukum Menebalkan Ra' Dan Menipiskan Dia.
- Fasal Pada Menyatakan Hukum Lam Sama Ada Tebal Atau Nipis.
- Fasal Pada Menyatakan Beberapa Hukum Ha' Damir.
- Fasal Pada Menyatakan Hukum Qalqalah.
- Fasal Pada Menyatakan Hukum Mad Ertinya Memanjangkan.
- Fasal Pada Menyatakan Waqf Ertinya Berhenti Dan Wasl Ertinya Menyambungkan.
- Khatimah.
- Fasal Pada Menyatakan Beberapa Perkara Yang Diharamkan Daripada Bid'ah Pada Membaca al-Quran.
- Fasal Pada Menyatakan Hukum Takbir Dan Lafaznya Dan Tempatnya Dan Wajahnya.
- Fasal Pada Menyatakan Adab Membaca al-Quran.
- Fasal Pada Menyatakan Adab Menyentuh al-Quran Dan Menanggung Dia Dan Menulis Dia.
- Fasal Pada Menyatakan Kelebihan al-Quran.
- Khatimah Pada Menyatakan Kelebihan Belajar Membaca al-Quran Dan Adab Belajar Dan Adab Mengajar.

Syeikh Hasan juga hanya mengelaskan kitab tajwid beliau kepada 27 topik besar tanpa mengelaskan subtopik. Sebagai contoh, pada bab *mad*, Syeikh Hasan menyebut “Fasal Pada Menyatakan Hukum Mad Ertinya Memanjangkan” tanpa mengelaskan hukum *mad* kepada beberapa subtopik seperti *mad asli*, *mad muttasil*, *mad munfasil* dan sebagainya.

4.3 Meletakkan tajuk pada setiap bab.

Jika dilihat dalam kitab tersebut, setiap tajuk yang dibahas ditulis dalam Bahasa Arab, sedangkan pada bahagian senarai kandungan, tajuk-tajuk tersebut ditulis dalam Bahasa Melayu. Dalam penulisan tajuk, Syeikh Hasan menggunakan perkataan *fasl*, bukannya bab seperti kebiasaan kitab-kitab lain. Misalnya pada bahagian *iqlab*, Syeikh Hasan menulisnya dengan *fasl fi iqlab*. Seperti mana yang telah disebutkan, perkara ini dapat dilihat pada setiap tajuk pembahasan yang terkandung di dalam kitab tersebut. Namun, pada senarai kandungan, Syeikh Hasan menulis dengan menggunakan Bahasa Melayu, sebagai contoh pada hukum *iqlab*, beliau menulis dengan *fasl* pada menyatakan hukum *iqlab*.

4.4 Memulakan Penulisan Kitab Dengan Ucapan *Basmalah*, *Tahmid* Serta Selawat

Kitab ini dimulakan dengan ungkapan dari pengarang yang menerangkan serba sedikit tentang Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran*. Syeikh Hasan memulakan penulisan kitab beliau dengan ucapan *basmalah*, *tahmid* serta selawat ke atas Baginda Muhammad S.A.W. Seperti yang diketahui umum, membaca *basmalah* pada setiap permulaan amalan adalah sangat digalakkan kerana ia adalah satu perkara yang disunatkan. Menurut Helmi (2020), memulakan setiap perbuatan dengan ucapan *basmalah* adalah disunatkan oleh para ulama. Perkara ini juga dapat dilihat pada kebanyakan kitab agama yang dikarang oleh ulama tempatan mahupun ulama luar negara sama ada kitab baru ataupun kitab lama (Isa, 2019).

Kaedah atau metode ini adalah satu kebiasaan yang dilakukan oleh para ulama terdahulu (Isa, 2019) dan ia merupakan amalan yang patut diteruskan oleh generasi akan datang. Hal ini adalah kerana terdapat beberapa hadis yang menyatakan keutamaan memulakan perbuatan dengan pujian kepada Allah sebagaimana sabda Nabi Muhammad S.A.W.:

عن أبي هريرة، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «كل أمر ذي بال، لا يبدأ فيه بالحمد، أقطع»

Maksudnya: Dari Abi Hurairah R.A, dia berkata telah bersabda Nabi S.A.W.: “Setiap perkara yang tidak dimulai dengan memuji Allah maka amalan tersebut akan terputus. (Hadis Riwayat Ibnu Majah, no hadis 1894).



Imam Nawawi dalam kitab *al Majmu' Syarh al-Muhazzab*, (1/73) menyebut, perkara yang penting di dalam hadis di atas adalah kurangnya keberkatan dalam melakukan sesuatu perbuatan. Para ulama menyatakan disunatkan memulakan setiap penulisan, pembelajaran, pengajaran, khutbah, percakapan dan perkara-perkara yang lain yang dilihat penting dengan memuji Allah.

4.5 Menerangkan Makna Tajuk

Dalam setiap bab hukum tajwid, Syeikh Hasan memulakan penulisan beliau dengan menerangkan makna bagi setiap tajuk yang dikarang. Penerangan yang diberikan adalah untuk memudahkan pembaca memahami apakah yang dimaksudkan dengan tajuk tersebut bagi setiap bab. Ini kerana tajuk yang ditulis bagi setiap bab adalah dalam Bahasa Arab. Dalam menerangkan makna bagi setiap tajuk, Syeikh Hasan hanya menyatakan makna dari segi istilah sahaja tanpa mendatangkan makna dari segi bahasa. Contohnya adalah dalam tajuk hukum Izhar, Syeikh Hasan menulis:

“Fasl fi izhar: bermula ini satu fasal pada menyatakan izhar bermula makna izhar itu iaitu mengeluarkan tiap-tiap huruf daripada tempat keluarnya dan bermula yang dikehendaki daripadanya mengekalkan huruf daripada jihat zatnya dan sifatnya.” (al-Jambi, 1926, Nur Sakinah binti Mohd Yassin, 2017)

4.6 Mendatangkan Contoh

Dalam pada itu, Syeikh Hasan juga mendatangkan contoh kalimah bagi setiap hukum tajwid yang dinyatakan. Perkara ini sedikit sebanyak membantu pembaca dalam memahami karangan beliau dengan lebih baik. Misalnya ketika menerangkan hukum *ikhfa'*, setelah menyatakan huruf *ikhfa'*, beliau mendatangkan contoh bagi setiap huruf *ikhfa'*. Contoh yang diberikan terdiri daripada huruf *nun sukun* yang bertemu dengan huruf *ikhfa'* dalam satu dan dua kalimah. Beliau juga menyertakan contoh hukum *ikhfa'* apabila *tanwin* bertemu dengan huruf *ikhfa'*. Secara keseluruhannya, terdapat tiga contoh yang didatangkan bagi setiap huruf *ikhfa'*.

Huruf <i>Ikhfa'</i>	Contoh		
	<i>nun sukun</i> bertemu huruf <i>ikhfa'</i> dalam satu kalimah	<i>nun sukun</i> bertemu huruf <i>ikhfa'</i> dalam dua kalimah	<i>tanwin</i> bertemu huruf <i>ikhfa'</i>
د	أَنْدَادًا	مِنْ دُونِ اللَّهِ	دَكَاً دَكَاً
ج	فَأَنْجَيْنَا	مِنْ جِبَالٍ	وَعَسَافًا جَزَاءً
ن	يَنْكُتُونَ	مَنْ كَانَ	فِي يَوْمٍ كَانَ
ف	فَأَنْفِرُوا	مِنْ فَيْتَةٍ	عَذَابًا فَذُقُوا

Jadual 1.0: Sebahagian Contoh Bagi Hukum Ikhfa' Dalam Kitab *Tamrin Al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran*. (m/s 8 dan 9)

4.7 Teknik Penghujahan



Dalam mengemukakan hujah, Syeikh Hasan lebih cenderung kepada berhujah dengan menggunakan dalil *naqli*. Penggunaan dalil *naqli* daripada al-Quran adalah lebih diutamakan dalam penghujahan beliau dan beliau menguatkan lagi hujahnya dengan mendatangkan dalil daripada hadis Nabi Muhammad S.A.W. Dalil *aqli* juga diguna pakai untuk lebih mengukuhkan hujah beliau. Perkara ini dapat dilihat pada *muqaddimah* Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran* ketika beliau memberi pandangan tentang hukum beramal dan mempelajari ilmu tajwid. Dalam hal ini, Syeikh Hasan mendatangkan dalil pertama daripada al-Quran dengan mengarang sedemikian;

Adapun dalilnya daripada Quran maka firman Allah Ta'ala (وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً) ertinya "Baikkan dan baguskan olehmu membaca Quran akan sebagai bagus seperti membaguskan ia akan segala hurufnya dan mengetahui segala tempat berhenti dan yang lain daripada keduanya seperti yang lagi akan datang kenyataan" (al-Jambi, 1926).

Seterusnya, beliau menggunakan dalil daripada hadis iaitu seperti berikut:

(Dan adapun) dalilnya daripada hadis maka sabda Nabi S.A.W (رب قارئٍ للقرآن والقرآن يبعثه) ertinya "Banyaklah orang yang membaca bagi Quran walhal Quran itu melaknatkan dia ertinya apabila mencederakan ia dengan beberapa hurufnya atau maknanya atau beramal barang yang ada padanya setengah daripada mengamalkan barang yang ada padanya membaguskan dia dan membaca ia akan dia akan sebagai hak bacaan kerana bahawasanya Allah Ta'ala menurunkan ia akan dia dibaikkan dan dibaguskan" (al-Jambi, 1926).

Setelah itu, Syeikh Hasan mendatangkan dalil 'aqli yang berupa *ijma'* ulama:

(Dan Adapun) dalil daripada ijma' "maka sesungguhnya telah berhimpun beberapa umat yang terpelihara mereka itu daripada salah atas wajib tajwid daripada masa Nabi S.A.W hingga sampai kepada masa kita ini tiada bersalahan padanya oleh seorang daripada mereka itu dan bermula inilah yang terlebih kuat dalil dan banyak dalil yang lain daripada yang tersebut itu disebutkan pada kitab yang panjang tiada disebutkan di sini kerana kitab ini pendek" (al-Jambi, 1926).

Selain daripada *muqaddimah*, kaedah penghujahan Syeikh Hasan yang mendahulukan dalil *naqli* juga dapat dilihat dalam beberapa bahagian lain seperti pada *Fasl Pada Menyatakan Perkara Yang Diharamkan Daripada Bid'ah Pada Membaca Quran Dan Fasl Pada Menyatakan Adab Menyentuh Qu'an Dan Menanggung Dia Dan Menulis Dia*.

Jadi, jelaslah bahawa teknik penghujahan yang digunakan oleh Syeikh Hasan adalah satu teknik yang baik kerana segala yang dibahaskan menggunakan hujah daripada dalil *naqli* mahupun *aqli*.

4.8 Penyataan Rujukan

Setelah diteliti pada penyataan rujukan di dalam kitab *Tamrin Al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid Al-Qur'an*, didapati bahawa penyataan rujukan yang ditulis adalah tidak seragam. Terdapat beberapa gaya penyataan rujukan yang ditulis dalam kitab ini.

4.8.1 Menyebut Nama Penulis Sahaja

Pertama, Syeikh Hasan hanya menyebut nama penulis sahaja tanpa menyatakan kitab yang menjadi sumber rujukan beliau. Sebagai contoh, dalam perbincangan hukum melagukan bacaan al-Quran, Syeikh Hasan mendatangkan satu pendapat daripada Imam Malik. Beliau hanya menulis dengan *"Dan telah berkata Imam Malik RA tiada 'ajib akan daku oleh bacaan dengan mencederakan huruf dan tiada suka aku akan dia pada Bulan Ramadan dan tiada pada lainnya kerana bahawasanya menyerupai ia akan lagu"* (al-Jambi, 1926). Jelaslah bahawa, terdapat penyataan rujukan di dalam kitab ini yang hanya menyebut nama penulis sahaja tanpa menyatakan kitab penulis tersebut.

4.8.2 Menulis Nama Penulis Serta Kitab



Sementara itu, kaedah penyataan rujukan yang kedua yang terdapat di dalam kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran* adalah kedua-dua nama penulis serta nama kitab dinyatakan. Perkara ini dapat dilihat apabila Syeikh Hasan mengemukakan satu pendapat daripada Imam al-Suyuti. Beliau menulis, “*Dan telah berkata oleh Hafiz Suyuti RA pada kitabnya Itqan dan adapun bacaan dengan lahn ertinya berlagu-lagu maka nas Imam Syafi'i RA pada Mukhtasarnya bahawasanya tiada mengapa dengan dia selama tiada keluar bacaan itu daripada had Quran dan jika keluar daripada had Quran maka bacaan dengan lahn itu haram*” (al-Jambi, 1926). Daripada contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa Syeikh Hasan juga menulis rujukan dengan menyertakan nama penulis dan nama kitab.

4.8.3 Tiada Penyataan Rujukan

Dalam pada itu, Syeikh Hasan turut menulis rujukan beliau tanpa menyebut penulis dan juga kitab. Hal ini adalah kerana beliau hanya meletakkan pandangan atau pendapat tanpa apa-apa rujukan. Kaedah ini dapat dilihat ketika beliau menulis muqaddimah, iaitu ketika beliau memberi pandangan tentang beramal serta mempelajari ilmu tajwid iaitu; (*Dan adapun dalil daripada ijma' maka sesungguhnya telah berhimpun beberapa umat yang terpelihara mereka itu daripada salah atas wajib tajwid daripada masa Nabi S.A.W hingga sampai kepada masa kita ini tiada bersalahan padanya oleh seorang daripada mereka itu dan bermula inilah yang terlebih kuat dalil dan banyak dalil yang lain daripada yang tersebut itu disebutkan pada kitab yang panjang tiada disebutkan di sini kerana kitab ini pendek*) (al-Jambi, 1926). Ini membuktikan bahawa terdapat juga pandangan serta pendapat yang dikemukakan oleh Syeikh Hasan tanpa menyebut nama penulis dan nama kitab yang dirujuk.

4.8.4 Penyataan Sumber Rujukan al-Quran

Dari segi sumber rujukan al-Quran pula, Syeikh Hasan tidak langsung menyebut surah, mahupun ayat yang di ambil sebagai rujukan. Beliau hanya mendatangkan ayat atau kalimah-kalimah yang menjadi dalil bagi hujahnya sahaja. Sebagai contoh, beliau menggunakan ayat al-Quran sebagai hujah beliau dalam menyatakan bahawa membaca *isti'azah* sebelum memulakan bacaan al-Quran adalah sunat. Beliau menyatakan pendapat beliau yang berbunyi: “*Dan sunat membaca a'uz billah dahulu daripada membaca kerana firman Allah Ta'ala (فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ)* (الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) *Ertinya maka apabila menghendak engkau membaca Quran maka berlingung olehmu dengan Allah Ta'ala daripada syaitan al-rajim*” (al-Jambi, 1926). Jika dilihat daripada contoh di atas, ia menunjukkan bahawa Syeikh Hasan tidak meletakkan nama surah ataupun ayat yang digunakan.

4.8.5 Penyataan Sumber Rujukan Hadis

Selain itu, penyataan rujukan dari aspek hadis juga didapati bahawa Syeikh Hasan hanya menyebut lafaz hadis tanpa menyatakan sumber hadis tersebut. Beliau tidak menyertakan kitab yang dirujuk dalam mendapatkan hadis tersebut. Namun, tidak keseluruhan hadis yang dipilih tidak dinyatakan sumbernya. Akan tetapi, kebanyakan hadis yang digunakan oleh Syeikh Hasan hanya tertulis lafaz hadis. Misalnya dalam membahaskan tentang *fadilat* al-Quran, Syeikh Hasan mendatangkan satu hadis iaitu:

Sabda Nabi S.A.W.:

(أفضل عبادة أمتي تلاوة القرآن)

Ertinya “*Yang terlebih afdal ibadah daripada umatku membaca Quran*”

Jika diperhatikan, Syeikh Hasan tidak ada menyebut nama perawi hadis ataupun kitab yang dirujuk untuk mendapatkan hadis tersebut.

4.8.6 Penulisan Sanad Hadis



Manakala dari segi sanad hadis pula, Syeikh Hasan tidak memberikan *sanad* hadis yang lengkap. Sanad merupakan satu rangkaian perawi hadis yang meriwayatkan hadis bermula daripada perawi pertama hingga perawi terakhir sebelum disebutkan sebelum matan hadis (Nur Sakinah binti Mohd Yassin, 2017). Majoriti hadis yang digunakan dalam kitab ini tidak dicatatkan sanadnya. Hal ini dapat dilihat pada sebahagian besar matan hadis yang ditulis di dalam kitab tersebut yang disertakan dengan terjemahan ke dalam Bahasa Melayu. Antara contoh hadis-hadis yang digunakan dalam kitab ini adalah seperti berikut:

Sabda Nabi S.A.W.:

(إن أفواهكم طرق للقرآن فطيبوها بالسواك)

Ertinya “*Bahawasanya segala mulut kamu itu jalan Quran maka bersihkan oleh akan dia dengan bersugi*” (al-Jambi, 1926).

Seterusnya, sabda Nabi S.A.W.:

(لا يمس المصحف إلا الطاهر)

Ertinya “*Tiada boleh menyentuh akan mashaf melainkan orang yang suci*” (al-Jambi, 1926).

Dalam penulisan hadis, sanad adalah sangat penting kerana ia dapat memelihara agama Islam daripada sebarang penyelewengan serta pemalsuan. Akan tetapi, setelah diteliti, sebilangan besar hadis yang digunakan oleh Syeikh Hasan ditulis tanpa sanad.

Sebagai kesimpulan, pernyataan rujukan adalah sangat penting dalam sesuatu penulisan. Hal ini adalah kerana ia dapat memudahkan pembaca dan juga penulis untuk mengetahui sumber serta pernyataan yang dikarang dalam sesebuah karya (Wong Shiao Ho, 2018). Pernyataan rujukan yang ditulis dalam kitab ini adalah tidak seragam dan tidak selaras kerana terdapat berbagai-bagai kaedah yang digunakan dalam menulis pernyataan rujukan.

4.9 Laras Bahasa Dalam Penulisan Kitab

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, laras bahasa adalah kepelbagaian bahasa menurut penggunaannya. Dalam hal ini, penggunaan laras bahasa Syeikh Hasan dalam mengarang Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma’rifat Tajwid al-Quran* telah diteliti. Setelah beberapa pemerhatian dilakukan, didapati bahawa laras bahasa yang digunakan dalam menghasilkan kitab ini adalah klasik. Hal ini dapat dilihat apabila Syeikh Hasan mengupas tentang adab menyentuh al-Quran. Sebagai contoh:

“(Dan) *sunat mengucup Quran dengan qiyaskan atas mengucup hajr al-aswad dan sunat membaguskan akan Quran dan membesarkan dia dijadikan dia atas kerusi atau leharan atau di atas tempat yang tinggi maka sekiranya bahawa memelihara akan akan sekalian adab ini wallah a’lam*”.

Daripada contoh di atas, dapat dilihat bahawa laras bahasa yang digunakan adalah laras bahasa klasik kerana ia sukar difahami dan mempunyai ayat yang panjang. Ia juga jelas menunjukkan bahawa laras bahasa yang digunakan adalah klasik kerana tiada sebarang tanda baca yang terdapat dalam kitab tersebut. Perkara ini dapat dibuktikan kerana salah satu ciri bahasa klasik adalah mempunyai ayat yang panjang serta tiada tanda baca yang diletakkan. Akan tetapi, sekiranya terdapat tanda baca yang diletakkan, tanda baca tersebut tidak berada pada posisi yang sepatutnya. (Berita Harian, 2021)

Selain itu, kepelbagaian bahasa yang digunakan juga menunjukkan bahawa Syeikh Hasan mengarang kitab ini dengan menggunakan laras bahasa klasik. Sebagai contoh, perkataan *leharan* dalam petikan di atas adalah daripada



Bahasa Jakarta yang bermaksud rehal. Penggunaan kosa kata yang diambil daripada bahasa asing juga salah satu identiti bahasa klasik. (Berita Harian, 2021)

Seterusnya, penggunaan perkataan adapun sebagai kata pangkal ayat juga salah satu ciri yang menunjukkan laras bahasa klasik (Zurina Binti Abdullah, 2020) Perkara ini dapat dilihat pada kebanyakan ayat yang dikarang oleh Syeikh Hasan antaranya adalah:

“(Dan Adapun) tempat memulai takbir dan kesudahannya bersalah-salahan qurra’ kata setengah qurra’ tempat permulaan takbir daripada kesudahan wa al-duha dan kesudahannya daripada kesudahan al-nas ...”

Jadi, jelaslah bahawa penggunaan kata pangkal ayat dalam Kitab *Tamrin l-Lisan Fi Ma^crifat Tajwid al-Quran* membuktikan bahawa Syeikh Hasan mengarang kitab tersebut dengan menggunakan laras bahasa klasik.

4.10 Penggunaan Tulisan Dan Ejaan

Sebagaimana yang telah diterangkan, Kitab *Tamrin Al-Lisan Fi Ma^crifat Tajwid Al-Qur’an* sepenuhnya ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Akan tetapi, tulisan jawi yang digunakan adalah Jawi Klasik sesuai dengan garis masa kitab ini selesai dikarang iaitu pada tahun 1344 Hijrah.

Sejajar dengan penggunaan tulisan jawi klasik, sistem ejaan yang digunakan juga adalah sama. Perbezaan sistem ejaan jawi klasik dengan jawi moden adalah sangat ketara. Antara perbezaan yang dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab ini adalah penulis menulis dua perkataan yang berbeza dengan bersambung. Perkara ini menyukarkan pembaca untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Contohnya adalah ketika penulis kitab menulis kalimah berikut:

مريكت	Mereka itu (m/s 28)
اكننتغ	Akan datang (m/s 7)
دغندي	Dengan dia (m/s 29)
اور غيغ	Orang yang (m/s 4)
منغكوغدي	Menanggung dia (m/s31)
اكنديكو	Akan dikau (m/s 34)
بر غيغ	Barang yang (m/s 4)
يغفر تما	Yang pertama (m/s 4)

Jadual 2.0 Beberapa Contoh Penyambungan Dua Kalimah Dalam Kitab *Tamrina al-Lisan Fi Ma^crifat Tajwid al-Quran*.

Penyambungan dua kalimah ini menjadikan para pembaca lebih sukar untuk memahami perkataan-perkataan berikut. Akan tetapi, jika diulang serta diperhalusi dengan lebih teliti, ia masih lagi boleh dibaca. Perkara ini membuktikan bahawa Syeikh Hasan mengarang kitab beliau menggunakan tulisan jawi klasik.

Seterusnya, terdapat beberapa kesalahan ejaan yang ditemui sepanjang penelitian dilakukan. Akan tetapi, kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah kebanyakannya dari segi imbuhan serta penambahan abjad baru seperti



Huruf Nga, Ga, Ca dan sebagainya. Jadual berikut menunjukkan beberapa kesalahan ejaan yang ditemui di dalam kitab ini:

منيذينكن	Mengizinkan (m/s 37)
كيكي كفا	Gigi kapak (m/s 4)
مهلوركن	Menghulurkan (m/s 35)
بر لاجر	Belajar (m/s 3)
مهينا	Menghina (m/s 37)
سكل	Segala (m/s 37)
مفايهكن	Memayahkan (m/s 39)
كفلا	Kepala (m/s 37)

Jadual 3.0: Beberapa Kesalahan Ejaan Yang Ditemui Dalam Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran*.

Daripada jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa kesalahan ejaan yang dilakukan adalah kebanyakannya daripada imbuhan serta abjad tambahan yang ada di dalam sistem Jawi moden. Oleh itu, kesalahan-kesalahan ejaan yang dilakukan adalah sesuai dengan garis masa penghasilan kitab ini.

5.0 PENUTUP

Kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran* merupakan satu kitab karangan Syeikh Hasan dalam disiplin ilmu tajwid. Kaedah penulisan yang digunakan dalam menghasilkan kitab ini menunjukkan kemahiran serta penguasaan beliau dalam memahami ilmu tajwid. Teknik penghurairan serta penjelasan yang digunakan adalah sangat padat dan bernas.

Mengenai penggunaan laras bahasa pula, kitab ini dilihat tidak terlalu sesuai dengan perubahan zaman. Hal ini disebabkan oleh laras serta gaya bahasa yang digunakan agak sukar difahami. Akan tetapi, kitab ini masih boleh difahami oleh para penuntut ilmu yang berkecimpung dalam disiplin ilmu al-Qur'an khususnya.

Seterusnya, kesalahan ejaan serta ketidaksesuaian penggunaan perkataan adalah satu kesalahan yang masih boleh diterima kerana mempertimbangkan beberapa perbezaan. Antaranya yang paling ketara adalah perbezaan masa kitab ini berjaya dihasilkan. Seterusnya, perbezaan bahasa ibunda penulis. Oleh sebab itu, terdapat beberapa perkataan daripada Bahasa Indonesia digunakan.

Buku ini merupakan perintis dan boleh dijadikan sebagai rujukan bagi penulis-penulis yang ingin menulis berkaitan ilmu tajwid dengan penambahbaikan dengan sesuatu yang dirasakan perlu dan sesuai dengan peredaran zaman. Sekiranya diperhatikan pada buku-buku yang ada kini, metodologi yang digunakan tidak jauh dengan apa yang dibawa oleh Syeikh Hasan dalam *Kitab Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran*.

Secara kolektif, kitab *Tamrin al-Lisan Fi Ma'rifat Tajwid al-Quran* mempunyai keistimewaan serta kelebihan tersendiri kerana ia adalah salah satu kitab tajwid lama yang ditulis menggunakan Bahasa Melayu. Sedangkan pada masa tersebut, penghasilan kitab agama dalam Bahasa Melayu adalah sangat perlahan serta tidak mendapat perhatian seperti hari ini. Oleh itu, usaha serta kerja keras pengarangnya, Syeikh Hasan dalam menyiapkan satu-satunya kitab tajwid beliau adalah satu usaha yang wajar dihargai dengan melakukan beberapa penambahbaikan. Jasa serta



pengorbanan beliau dalam memartabatkan ilmu tajwid serta beberapa bidang ilmu yang lain patut dicontohi dari segenap aspek agar ia menjadi satu tradisi yang sentiasa diteruskan bagi memastikan kesinambungan ilmu tidak terhenti setakat itu.

.RUJUKAN

- al-Jambi, H. B.-H. (1926). *Tamrin Al Lisan Fi Ma'rifat Tajwid Al-Quran*. Mekah.
- Butar-Butar, D. A. (2017). *Mengenal Karya-Karya Ilmu Falak Nusantara: Transmisi, anotasi, Biografi*. Yogyakarta: LKiS.
- Ginangjar, A. (2020, April 9). <https://tarbiyahislamiyah.id/tamrin-al-lisan-fi-marifah-tajwid-al-quran-fonologi-arab-berbahasa-melayu-karangan-syekh-hasan-yahya-jambi-1344-h-1926-m/>.
- Helmi, T. I. (2020, January 28). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan : <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4067-irsyad-al-fatwa-siri-ke-381-memadaikah-membaca-basmalah-tanpa-al-rahman-al-rahim-sebelum-makan>
- Isa, N. M. (2019). Metodologi Haji Abdullah al-Qari dalam Penulisan Buku Bidang Hadis. *Jurnal al-Turath*, 37-49.
- Mohamad, M. R., A Adi, M. F., & Mohd Nawawi, M. I. (2022). Perkembangan Pengajian Talaqqi al-Quran Bersanad di Malaysia: Peranan Dato' Haji Sallehudin bin Omar. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(1), 1-12. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v5i1.43>
- Muzakkir, A. (2017). Transformasi Pendidikan Islam Di Jambi: Dari Madrasah Ke Pesantren. *Journal Of Islamic & Social Studies*, 8-20.
- Nur Sakinah binti Mohd Yassin, M. M. (2017). Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab Bisharah al-Amilin waNadharat al-Ghafilin Karya Ahmad al-Fatani. *Al-Basirah*, 25-38.
- Rosadi, M. (2014). Menelusuri Kitab Karya Ulama Pondok Pesantren Di Provinsi Jambi. *Jumantara Vol 5 No. 2* , 105-124.
- Ubaidillah. 2019. Jaringan Ulama' Jambi Pada Akhir Abad 19 Dan Awal Abad 20, Studi Jaringan Ulama' Di Pecinan, Jambi. Diserasi Sarjana. Fakultas Adab Dan Kemanusiaan, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah
- Wandi S. Hum. 2017. Perkembangan Lembaga Pendidikan Islam, Madrasah Al-Khairiyah Di Kota Jambi 1972-2017 (Analisis atas SKB 3 Menteri Tahun 1975 Tentang Pengembangan Pendidikan Islam di Era Globalisasi). Disertasi Sarjana. Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Wong Shiao Ho, Y. S. (2018). Tinjauan Kemahiran Penulisan Rujukan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru. *Prosiding Seminar Bahasa, Budaya, dan Kesusasteraan Melayu III* (pp. 19-36). Keningau: IPG Kampus Keningau.
- Zurina Binti Abdullah, A. Y. (2020). Penilaian Semula Ciri Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Perbandingan Inskripsi. *e-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 18-33.